

# PM beri jaminan teliti

PUTRAJAYA 18 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan akan meneliti masalah cetak rompak yang dihadapi oleh penggiat seni tanah air.

Dr. Mahathir juga membanggakan akan mengemukakan masalah tersebut ke peringkat Kabinet.

Pengerusi Gabungan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia (GMKMM), Tan Sri SM Salim

berkata, Dr. Mahathir telah menunjukkan keprihatinannya dan berjanji akan memberi perhatian kepada masalah yang telah menyebabkan kerugian besar kepada industri muzik di Malaysia.

Beliau menambah, Perdana Menteri turut menegaskan bahawa kerajaan menyedari masalah yang dihadapi oleh penggiat seni tanah air dan telah melakukan pelbagai usaha untuk mabante-ras gejala tersebut.

Penyanyi veteran itu petang ini mengetuai rombongan GMKMM bertemu selama 45 minit dengan Dr. Mahathir di pejabat Perdana Menteri di sini.

Pertemuan itu turut dihadiri oleh beberapa ahli jawatankuasa tertinggi GMKMM selain artis seperti Siti Nurhaliza dan M. Nasir.

Dalam pertemuan tersebut GMKMM turut menyerahkan memorandum mengenai masalah

cetak rompak yang semakin serius di negara ini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Gabungan itu merupakan sebuah badan yang diasaskan oleh sekumpulan karyawan muzik tanah air akhir tahun lalu ekoran kebimbangan mereka terhadap gejala cetak rompak yang sukar dibendung meskipun pelbagai usaha telah dilakukan.

## masalah cetak rompak

SM Salim sebelum ini telah beberapa kali meluahkan rasa ke-salnya terhadap masalah cetak rompak yang masih tidak berkesudahan.

Siti Nurhaliza pada akhir Mac lalu juga pernah menangis dan merayu agar Perdana Menteri campur tangan dalam hal itu.

Mengulas lanjut SM Salim berkata, Perdana Menteri bagaimanapun menuntut komitmen padu karyawan seni tanah air untuk

bersama-sama berganding bahu membanteras masalah tersebut.

“Perdana Menteri berkata, tanpa penglibatan karyawan seni juga, masalah ini tidak mungkin dapat diatasi,” katanya lagi.

Sementara itu, Siti Nurhaliza ketika mengulas pertemuan itu berkata, dia yang mewakili artis generasi muda berasa amat bertuah kerana Dr. Mahathir bersedia bertemu dan mendengar segala permasalahan golongan insan seni.

Katanya, Perdana Menteri menasihatkan golongan seni supaya bersabar kerana kerajaan tetap akan bertegas dalam menangani masalah cetak rompak.

“Pada pertemuan itu, saya ada meluahkan kepada Dr. Mahathir bahawa golongan artis terutama artis muda menjadikan bidang seni sebagai sumber pendapatan utama dan kerana itu penglibatan kerajaan dalam hal ini amat diperlukan,” ujarnya.